



ISMAIL (kiri) melawat gerai di Karnival Kesihatan dan Masyarakat.

Kemudahan awam di Pagoh dinaik taraf

Pagoh: Pelbagai kemudahan awam di kawasan sekitar Pagoh bakal dinaik taraf dan ditambah selaras penambahan lebih 20,000 penduduk berikutan pembinaan Hab Pendidikan Pagoh yang dijangka beroperasi pada 2017.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Serampang, Ismail Mohamed berkata, beberapa projek menaik taraf balai bomba, klinik kesihatan, balai polis dan hospital akan dibina dalam tempoh terdekat.

Hospital dan balai bomba akan dibina di Pagoh berikutan pembinaan Hab Pendidikan Pagoh dan Balai Polis Panchor sedia ada akan dinaik taraf. Buat masa sekarang, Parlimen Pagoh akan bekerjasama dengan Universiti Sains Islam Ma-

laysia (USIM) untuk melakukan kajian kesihatan di sekitar kawasan ini.

Kajian USIM akan membantu kita membuat keputusan tahap kesihatan masyarakat setempat selain sebagai sokongan dalam permohonan menaik taraf klinik kesihatan sedia ada, katanya pada sidang media selepas merasmikan Karnival Kesihatan dan Masyarakat Parlimen Pagoh 2015 di Kampung Baru Baru 28, Lenga, semalam.

Bellau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri berkata, jumlah penambahan kira-kira 20,000 orang adalah satu jumlah besar dan kini kawasan Bukit Serampang mempunyai 30,000 penduduk.